

Lawatan TKP ke Projek Padi



Lawatan kerja Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan), YH Dato' Dr. Sharif Haron bersama dengan Pengarah – Pengarah Pusat Penyelidikan telah dijalankan pada 18 Januari 2012 ke Plot – Plot Projek Pusat Penyelidikan Padi & Tanaman Industri (RI) dan Pusat Penyelidikan Mekanisasi & Automasi (MA) di kawasan Negeri Kedah.

Lawatan ini turut disertai oleh pegawai – pegawai MARDI Seberang Perai, Alor Setar dan Ibu Pejabat serta pegawai-pegawai MADA dan juga pegawai dari Syarikat BASF (Clearfield).

Lawatan YH Dato' TKP merangkumi beberapa projek NKEA MADA bersama RI iaitu Ladang Pengeluaran Benih MR 263, Projek Tanaman Padi Clearfield, MR 220 CL1 dan MR 220 CL2, Plot Percubaan Padi Hibrid di Pusat Latihan MADA Alor Serdang dan Projek TechnoFund MOSTI , Pusat MA di Kg. Setia Jaya, Yan.

Dengan Lawatan YH Dato' TKP bersama dengan pengarah – pengarah pusat lain ke Negeri Kedah ini, menunjukkan betapa kesungguhan MARDI dalam usaha mempertingkatkan hasil pengeluaran padi.